



## JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

### KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA TERBUKA

Tawaran dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah dan menggunakan Sistem **ePerolehan** bagi menyertai sebut harga berikut:

No. / Tajuk Sebut Harga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup Sebut Harga	Kaedah Perolehan
<b>JPA(S)34/2018</b> <b>SEBUT HARGA KONTRAK PERKHIDMATAN PROMOSI DAN PUBLISITI BAGI KEGUNAAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM</b>	<b>222001 dan 222002</b>	<b>19 November 2018 (Isnin), jam 12.00 tengah hari.</b> <b>Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga tidak akan dipertimbangkan</b>	<b>Secara ePerolehan</b>

- Petender yang ingin menyertai sebut harga ini mestilah ePerolehan *enabled*. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai **09 November 2018 (Jumaat)** melalui laman web [www.eperolehan.com.my](http://www.eperolehan.com.my).
- Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam Sistem ePerolehan pada atau sebelum **19 November 2018 (Isnin), jam 12.00 tengah hari**.
- Satu sesi **taklimat** akan diberikan kepada penyebutharga dan **penyebutharga DIWAJIBKAN hadir**. Sila bawa bersama Sijil Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan dan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada), berserta dengan salinan fotostat (tidak dikembalikan). Hanya **penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja** yang boleh menghadiri sesi taklimat atau lawatan tapak. Penyebutharga **tidak boleh mewakili** pegawai selain daripada penama di dalam Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan. Taklimat akan diadakan seperti berikut :

**Tarikh : 12 November 2018 (Isnin)**  
**Masa : 2.00 petang**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Utama**  
**Jabatan Perkhidmatan Awam**  
**Aras 9, Blok C1, Kompleks C,**  
**62510 Putrajaya**

- Tawaran Penyebutharga yang lewat dikemukakan melalui Sistem ePerolehan seperti mana arahan penyebutharga tidak akan dipertimbangkan.
- Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Sebut Harga tersebut, hendaklah menghubungi pegawai-pegawai berikut:

Encik Shahrul Nizam Bin Mohd Tahir - 03-8885 3096  
Puan Nadiyah binti Ahmad - 03-8885 3236  
Puan Che Zuraidah binti Che Daud (Urus Setia) - 03-8885 3796